



Buletin Tunas Muda

UNTUK ANGGOTA SAHAJA

Dari Meja Pengerusi

Tuan Haji Rahim bin Osman



Assalamualaikum W.B.T.

Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Editor Buletin Tunas Muda atas penghormatan untuk saya memberi kata-kata aluan dalam Buletin Tunas Muda yang kedua dalam pengeluaran.

Sebagai sebuah Koperasi, interaksi di antara pengurusan dengan anggota perlu dipertingkatkan. Oleh itu saya amat mengalu-alukan akan kehadiran Buletin Tunas Muda ini yang di harap akan memberi faedah dan pendedahan kepada anggota tentang perkembangan semasa melalui aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi.

Saya juga amat bersyukur kepada Allah S.W.T. di atas pemindahan pejabat Koperasi ke pejabat baru mulai 17 Januari 2005 di No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim, Taman Tunas Muda, Sungai Ara.

Pemindahan ini adalah satu pencapaian kita sejak hampir 40 tahun Koperasi ini ditubuhkan. Kewujudan pejabat baru ini juga adalah lambang kejayaan perjuangan Koperasi ini. Tentunya kejayaan ini bukan setakat kemegahan ini tetapi perlu disusuli dengan peningkatan kualiti perkhidmatan kepada anggota dan pelanggan Koperasi. Kejayaan ini perlulah selari dengan peningkatan semangat bekerjasama di kalangan anggota untuk menjayakan aktiviti-aktiviti Koperasi. Malahan kejayaan ini menuntut peningkatan kesepaduan di kalangan anggota dan kepimpinan Koperasi di dalam memajukan Koperasi. Inilah harapan kita dan mudah-mudahan kita dapat jayakan secara bersama.

Pergerakan Koperasi kini pula amat diharap oleh pihak Kerajaan untuk berperanan sebagai sektor ketiga dalam pembangunan negara. Sebagai sektor ketiga, Koperasi perlu turut menyumbang dalam pembangunan ekonomi negara terutamanya turut menyediakan peluang pekerjaan dan perniagaan di kalangan masyarakat terutamanya di kalangan anggota-anggotanya. Ini adalah satu lagi cabaran yang perlu dilihat dan diusahakan oleh Koperasi.

Tentunya harapan-harapan ini hanya dapat dijayakan sekiranya di kalangan anggota, Lembaga Pengarah dan pengurusan mempunyai kesepaduan dari segi matlamat dan cara bertindak serta bekerja. Kita memerlukan fokus dan keutamaan serta kecepatan bertindak tanpa mengeneipkan pemuatan peraturan dan undang-undang serta amanah yang dipertanggung jawab kepada kita semua.

TSUNAMI: ANTARA BENCANA & TAKDIR



Bencana tsunami yang melanda beberapa kawasan di Indonesia, Malaysia, Thailand, Sri Lanka, India, Maldives, Somalia dan lain-lain negara pada 26 Disember 2004 lalu. Walaupun telah memusnahkan harta benda, tetapi bagi orang bertaqwa, redha ke atas kehendak Ilahi.

Mungkin boleh dipertikaikan kredibiliti semua laporan mengenai keadaan puluhan masjid di Aceh, selatan Sri Lanka dan negara-negara lain yang tidak dimusnahkan oleh ombak besar tsunami itu, tetapi bila semua laporan dibuat oleh AFP dan Reuters dan lain-lain agensi berita Barat yang terkenal jarang melaporkan perkara baik tentang agama Islam dan umatnya, maka tiada siapa pun berani mempertikaikannya. Akhbar-akhbar yang dimiliki oleh bukan Muslim di beberapa negara bukan Barat termasuk negara ini turut melaporkan fenomena itu.

Kesan bencana tsunami di utara Sumatera, Indonesia 26 Disember 2004 lalu menyebabkan sebahagian besar rumah dan bangunan di beberapa bandar ranap akibat dihentam ombak besar. Namun, di sepanjang pantai yang dilanda bencana, puluhan masjid masih berdiri teguh.

Tsunami atau diistilahkan sebagai 'ombak jahat' secara saintifiknya merujuk kepada ombak laut yang terbentuk akibat kejadian gempa bumi, tanah runtuh atau ledakan gunung berapi di dasar laut. Ombak besar yang terbentuk mempunyai kebarangkalian sehingga 200 kilometer dan mampu bergerak beribu-ribu kilometer merentasi lautan dengan kelajuan mencapai 725 hingga 800 kilometer sejam.

Menurut Pusat Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS), tsunami berasal dari lingkaran api iaitu zon gunung berapi yang mengandungi aktiviti

Editor

Tuan Haji Rosdi bin Abd. Aziz

Assalamualaikum w.b.t.



Saya amat bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana perancangan pemindahan pejabat Koperasi ke bangunan pejabat baru beralamat di 126, Jalan Dato' Ismail Hashim, Taman Tunas Muda, Sungai Ara pada 17 Januari 2005 berjalan dengan lancar. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan dan pihak yang terlibat kerana berjaya menepati tarikh pemindahan ini.

Dengan pemindahan ini, Pengurusan perlu 'hijrah' kepada pemikiran dan tadbir urus yang lebih cekap, proaktif serta inovatif untuk memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada Anggota-Anggota dan seterusnya meningkatkan kepercayaan dan prestasi Koperasi melalui kaedah 'peningkatan berterusan'.

Dengan matlamat ini, antaranya pengurusan sedang berusaha mengadakan 'Laman Web' untuk Koperasi supaya dapat dikenali dan dapat berinteraksi di semua peringkat di dalam dan luar negara.



Sumbangan Cek Bencana Tsunami (RM 10,000.00) kepada Timbalan Ketua Menteri, Datuk Abdul Rashid pada 26hb Januari 2005 di Pejabat Timbalan Ketua Menteri, Komtar.

gempa bumi sepanjang 32,500 kilometer mengelilingi Lautan Pasifik.

Walaupun tsunami telah di riuhkan diserata dunia, Koperasi Tunas Muda Sungai Ara juga sedih kerana salah seorang anggotanya meninggal dunia akibat bencana tersebut.

Al-Fatihah.

Buletin Tunas Muda



Aturan-aturan Kumpulanwang Kebajikan Am Haji Hashim Bin Hanafi *Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad*

Aturan ini dinamakan Aturan Kumpulanwang Kebajikan Am Haji Hashim bin Hanafi Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad, yang dibuat di bawah Undang-undang Kecil 43(2)(w) dan hendaklah dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung dan Ketua Pendaftar.

Tujuan

Kumpulanwang Kebajikan Am ini ditubuhkan adalah untuk:-

- (a) Memberi bantuan wang kepada waris dan atau anggota kerana kematian anggota, isteri atau suami atau anak anggota bagi menampung perbelanjaan pengkebumian;
- (b) Memberi bantuan kepada anggota yang ditimpa bencana alam / kemalangan atas hartabenda;
- (c) Sebagai ganjaran kepada anggota-anggota yang telah berkhidmat sebagai Anggota Lembaga atau Anggota Jawantankuasa Audit Dalamannya Koperasi ini.

Bayaran Kebajikan Am

- (1) Kelayakan
Sem anggota aKoperasi ini atau keluarganya yang layak boleh menerima bantuan daripada Kumpulanwang ini untuk satu tuntutan kematian sahaja.
- (2) Jenis Bantuan
Bayaran Kebajikan Am ini adalah terbahagi kepada tiga jenis iaitu:-
 - (a) Bayaran Kerana Kematian
 - i. Apabila seseorang anggota itu meninggal dunia maka bantuan yang boleh diberikan tidak lebih daripada RM2,500.00;
 - ii. Apabila seseorang isteri atau suami anggota itu meninggal dunia maka bantuan yang boleh diberikan tidak lebih daripada RM800.00;
 - iii. Apabila anak anggota yang berumur tidak melebihi 18 tahun itu meninggal dunia maka bantuan yang boleh diberikan tidak lebih daripada RM600.00.

- (b) Bayaran Kerana Ditimpa Bencana Alam/Kemalangan Atas Harta Benda

Apabila seseorang anggota itu ditimpa bencana alam / kemalangan atas harta bendanya maka setinggi-tinggi bantuan yang boleh diberikan adalah sebanyak RM5,000.00. Nilai bantuan adalah tertakluk kepada budibicara Lembaga.

- (c) Ganjaran Kerana Perkhidmatan Sebagai Anggota Lembaga Dan / Atau Anggota Jawantankuasa Audit Dalamannya:-

- i. Bagi perkhidmatan sebagai Anggota Lembaga selama 3 tahun berturut-turut maka setinggi-tinggi ganjaran yang boleh diberikan adalah sebanyak RM1,500.00;

- ii. Bagi perkhidmatan sebagai Anggota Jawantankuasa Audit Dalamannya selama 3 tahun berturut-turut maka setinggi-tinggi ganjaran yang boleh diberikan adalah sebanyak RM1,200.00;

- iii. Bagi perkhidmatan sebagai Anggota Lembaga yang lebih dari 3 tahun, maka ganjaran setinggi-tinggi sebanyak RM500.00 bagi tiap-tiap tahun selebih daripada tempoh pada (i) adalah diberi sebagai tambahan. Ganjaran kerana perkhidmatan sebagai Anggota Lembaga ini hanya boleh diberikan apabila seseorang Anggota Lembaga itu tidak lagi terpilih atau kerana meninggal dunia, atau kerana meletakkan jawatan;

- iv. Bagi perkhidmatan sebagai Anggota Jawantankuasa Audit Dalamannya yang lebih dari 3 tahun, maka ganjaran setinggi-tinggi sebanyak RM300.00 bagi tiap-tiap tahun selebih daripada tempoh pada (i) adalah diberi sebagai tambahan. Ganjaran kerana perkhidmatan sebagai

Anggota Jawantankuasa Audit Dalamannya ini hanya boleh diberikan apabila seseorang Anggota Jawantankuasa Audit Dalamannya itu tidak lagi terpilih atau kerana meninggal dunia, atau kerana meletakkan jawatan.

Perlaksanaan Bayaran

- (1) Bayaran di atas kematian akan dibuat, setelah waris atau penama yang terlantik memberitahu dengan bersurat tentang kematian anggota, isteri atau suami atau anak anggota berkenaan itu dengan mengemukakan bukti-bukti berikut:-

- (a) Salinan permit penguburan dan/atau sijil kematian diakui sah; atau;

- (b) Surat pengakuan dari Ketua Pejabat / Ketua Kampung / Wakil Rakyat yang mengesahkan bahawa yang menuntut iaitu adalah isteri atau suami atau waris kepada anggota yang meninggal dunia itu.


- 1A) Tuntutan Bayaran Kebajikan Am oleh waris anggota yang meninggal dunia itu boleh dipertimbangkan jika ianya dibuat dalam tempoh tidak lebih dari (3) bulan selepas tarikh kematian tersebut. Tuntutan yang lewat dari tempoh tersebut tidak akan dilayan kecuali atas sebab yang munasabah dan tertakluk kepada budibicara Lembaga.

- (2) Bagi bantuan Kebajikan Am seperti yang tersebut dalam Aturan 3(b), maka anggota yang berkenaan hendaklah memberitahu secara bersurat dalam tempoh tidak lewat dari tujuh (7) hari, dengan mengemukakan butir-butir berikut:

- (a) Gambarfoto bencana alam / kemalangan atas hartabenda yang berlaku itu, atau bukti yang munasabah;

- (b) Surat pengakuan dari Ketua Kampung / Wakil Rakyat / Ketua Polis Balai / Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah atau Negeri yang mengesahkan kemalangan / bencana alam yang berlaku itu.

- (3) Bagi bayaran Kebajikan Am seperti yang tersebut dalam Aturan 3(c) pengesahannya bolehlah dibuat oleh Anggota Lembaga.




Info Pembangunan



Pelan Induk Perancangan Kg. Perlis.

Pembangunan di Lot 8009, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang iaitu Projek Pembangunan Kampung Perlis merupakan projek meg a Koperasi yang masih di peringkat perancangan. Projek yang merangkumi kawasan seluas 111 ekar ini terdiri daripada komponen pembanguan yang bercampur seperti kediaman, komersil kemudahan masyarakat dan kawasan lapang / rekreasi.

Pembangunan ini memperuntukkan sejumlah 450 unit kediaman percuma kepada ahli yang terdiri daripada 3 jenis kediaman, iaitu lot sesebuah 50' x 70' (100 unit), rumah teres setingkat (150 unit) dan pangsapuri 750 kaki (200 unit). Projek ini akan dimajukan berperingkat mengikut fasa. Pelan Susunatur Terperinci masih direkabentuk oleh jururancang dan aka n dikemukakan kepada Majlis pada Februari, 2005 Kelulusan Merancang dijangka diperolehi pada bulan November, 2005.



Gambaran Artis : Pembangunan Pangsapuri Kos Sederhana 90 unit di atas Lot P.T. Lot 3564, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang

Projek
Akan
Datang !!!

Pembangunan Pangsapuri Kos Sederhana 90 unit di atas Lot P.T. Lot 3564, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang adalah sebuah projek yang dijangka akan mendapat sambutan yana menggalakkan dari golongan sasaran, iaitu keluarga anggota Koperasi dan golongan berpendapatan sederhana.

Permohonan Merancang JPB/PM/592(LB)PT.3 bagi projek ini telah dikemukakan kepada MPPP pada 12 Februari 2004 dan dijangka akan mendapat Kelulusan Merancang pada April, 2005. Manakala Pelan Bangunan No. 42831(LB) pula dijangka mendapat kelulusan pada Julai, 2005.

Tapak projek ini terletak berdekatan dengan Kompleks Penjaja MPP P, Medan Bayan, Relau. Apabila siap kelak, ia akan mengandungi 1 blok bangunan 10 tingkat yang terdiri daripada 90 unit pangsapuri 750 kaki persegi, *children nursery*, kedai dan dewan masyarakat di tingkat bawah.



Projek
Dalam
Perancangan

Pembangunan Pangsapuri Kos Sederhana 100 unit di atas Lot P.T. Lot 3563, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang adalah sebuah lagi projek pangsapuri yang dijangka akan mendapat sambutan yang menggalakkan. Tapak projek ini terletak di atas tapak yang dahulunya dicadangkan untuk dipajak oleh Shell sebagai stesen minyak. Tapak projek juga terletak bersebelahan dengan Kompleks Penjaja MPPP, Medan Bayan, Relau. Apabila siap kelak, ia akan mengandungi 1 blok bangunan 13 & 15 tingkat yang terdiri daripada 80 unit pangsapuri 750 kaki persegi, 20 unit pangsapuri 1,100 kaki persegi, *children nursery*, kedai dan dewan masyarakat di tingkat bawah. Projek ini dijangka akan mula dibina pada September, 2006.

dengan Kompleks Penjaja MPPP, Medan Bayan, Relau. Apabila siap kelak, ia akan mengandungi 1 blok bangunan 13 & 15 tingkat yang terdiri daripada 80 unit pangsapuri 750 kaki persegi, 20 unit pangsapuri 1,100 kaki persegi, *children nursery*, kedai dan dewan masyarakat di tingkat bawah. Projek ini dijangka akan mula dibina pada September, 2006.

Infomasi Perumahan Kos Rendah

Syarat Kelayakan Membeli Rumah Kos Rendah

1. Warganegara Malaysia.
2. Bermastautin di negeri Pulau Pinang.
3. Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh memohon.
4. Pendapatan keluarga tidak melebihi RM1,500.00 sebulan.
5. Pemohon (suami/isteri) belum memiliki rumah.

Maklumat lanjut dan borang boleh diperolehi di **Kaunter Pejabat Perumahan, Tingkat 3, Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang**. Sebarang pertanyaan boleh dihubungi melalui telefon 04-262 1957 ext 5373.



Berita Kewangan

SEHARI BERLENGAH KERUGIAN MENINGKAT

Anda boleh menggubal cara anda sendiri ataupun menggunakan perkhidmatan seorang perancang kewangan. Tetapi apa kata kalau segala perancangan anda (contohnya untuk mula satu pelan pelaburan yang sistematik) sengaja ditangguhkan? Adakah anda akan mengalami kerugian? Mari kita siasat berapakah kos menunggu ini (the cost of delay).

Andaikan anda ingin memulakan satu pelan pelaburan secara sistematik dengan menyimpan RM100 sebulan selama 20 tahun dalam satu akaun pelaburan yang dapat memberikan pulangan 10 peratus. Selepas 20 tahun pengiraan menunjukkan yang tabung pelaburan anda bernilai RM316,000. (Sebenarnya pulangan 10 peratus ini tidak mencukupi untuk mengatasi inflasi dan selepas mengikuti "kursus" ini pulangan 20 peratus tidak mustahil untuk dicapai).

Sekarang katakan anda malas untuk bermula dan menunda perancangan anda sehingga 1 tahun kemudian. Jadi anda hanya ada 19 tahun sahaja untuk mencapai wawasan anda. RM100 sebulan disimpan dalam akaun pada faedah tahunan 10 peratus akan memberikan nilai RM258,000. Jumlah ini kekurangan sebanyak RM58,000 dibandingkan dengan wawasan asal di atas (RM316,000 ditolak RM258,000). Kesimpulannya keputusan anda untuk menangguhkan pelaburan anda selama setahun menyebabkan kerugian wang di masa akan datang sebanyak RM58,000! Pengiraan di atas boleh dirumuskan dengan satu lagi pendekatan iaitu "pengecutan portfolio" atau pengecutan akaun tanpa disedari.

Kesihatan



JUS OREN ASLI

Buah-buahan kaya dengan sumber tenaga karbohidrat dan ia diperlukan setiap hari. Kelebihan buah oren ialah ia kaya dengan vitamin C. Vitamin C membantu proses penyerapan atau absorption zat besi yang diperlukan oleh sel-sel di dalam badan. Keperluan harian seseorang ialah 40 mg vitamin C dan pengambilannya pasti akan menyegarkan badan.

Ekonomi Dan Perniagaan

PENGLIBATAN DALAM PERKHIDMATAN LIMOSIN

Bersesuaian dengan pindaan pengalakkan kerjasama di kalangan Koperasi inisiatif telah diambil oleh gabungan empat buah Koperasi (Koperasi Pembangunan Daerah Barat Daya Pulau Pinang Gotong Royong Berhad, Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad, Koperasi Kenderaan Dan Pengangkutan Pulau Pinang Berhad dan Koperasi Pemandu Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang Berhad) menyediakan perkhidmatan limosin di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di Bayan Lepas melalui anak syarikat yang ditubuhkan pada tahun 1996 Lancaran Amanis dan Bhd.



Ekuiti KTMSAB dalam syarikat ini sebanyak 15% di mana penglibatan ini memberikan satu pendedahan terhadap pengurusan perkhidmatan pengangkutan. Gabungan ini merupakan satu gabungan pintar kerana setiap Koperasi mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

Tumpuan aktiviti syarikat ini ialah pengurusan perkhidmatan limosin di lapangan terbang. Walaupun operasi tidak aktif diperingkat awal penubuhan namun syarikat telah mula beroperasi sepenuhnya pada Januari 2003 dengan catatan keuntungan bersih sebanyak RM65,600.00 untuk tempoh April 2003 hingga March 2004.

Pelaburan ini sudah tentu akan memberikan pulangan kelak kepada Koperasi.

AR-RAHNU: SATU PELUANG PERNIAGAAN KOPERASI

Ar-Rahnu telah dilaksanakan di Bank Rakyat sejak 11 tahun yang lalu. Ar-Rahnu merupakan sistem pajak gadai Islam yang bertujuan untuk membebaskan umat Islam daripada unsur-unsur Riba'.

Berikut diberikan perbezaan antara Sistem Pajak Gadai Konvensional dan Islam.

AR-RAHNU	KONVENSIONAL
• Pajak Gadai secara Islamik	• Pajak Gadai berunsur Riba
• Kadar upah - 1% daripada nilai barang	• Tinggi sehingga 24% daripada nilai pinjaman
• Upah simpan berdasarkan nilai barang	• Kadar faedah berdasarkan nilai pinjaman
• Nilai barang berdasar harga semasa emas terkini	• Nilainya yang tidak telus
• Bayaran secara ansuran	• Bayaran bunga sahaja
• Jaminan mendapat lebihan (sekiranya ada)	• Sistem lelap. Baki tidak dikembalikan
• Maklumat secara berkomputer	• Maklumat secara manual dan ringkas

Sebagai persediaan Koperasi telah bekerjasama dengan Badan Persatuan Koperasi yang berpejabat di Sungai Batu, Teluk Kumbang bagi memulakan perkhidmatan ini termasuk perkhidmatan perbankan yang lain.

Ketua Pengarang Haji Rosdi bin Abd.Aziz	Pengarang Mazalan bin Nan Mohamad Hilmi bin Rashid	Grafik Haslina binti Ibrahim
Pemberita Arizan binti Ahmad Zahid bin Zahari	Jurugambar Norizan binti Abd. Rahman Sabri bin Haji Hazit	Percetakan / Pengedaran Che Maimunah binti Kassim

Sidang Pengarang

Pendidikan

PROGRAM LATIHAN MKM BAGI BULAN FEBRUARI HINGGA APRIL 2005

KOD / NAMA KURSUS	SASARAN / PESERTA	OBJEKTIF KURSUS	TARIKH / TEMPOH KURSUS
IDL 801 Bengkel Membina Kemahiran Kepimpinan	Anggota Lembaga Koperasi AJK Kecil Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Kaitangan Koperasi Pemimpin Pelapis Koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan	Untuk mencungkil sifat-sifat pemimpin di kalangan anggota koperasi dan untuk membina kemahiran kepimpinan koperasi di kalangan pemimpin-pemimpin koperasi	21/02 - 24/02/2005 (4 hari)
IDT 444 Microsoft Office	Anggota Lembaga Koperasi Kakitangan Koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan	Membolehkan peserta berkemampuan menggunakan perisian aplikasi Microsoft Office dengan lebih berkesan dalam persekitaran pekerjaan.	21/02 - 04/03/2005 (2 minggu)
IDC 301 Pengenalan Koperasi	Anggota Lembaga Koperasi, AJK Kecil Koperasi, AJK Perhubungan Negeri / Daerah, Jawatankuasa Audit Dalam Kaitangan Koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan	Untuk membolehkan peserta memahami falsafah koperasi supaya menjadi anggota bertanggungjawab dalam gerakan koperasi.	28/02 - 03/03/2005 (4 hari)
IDA 101 Asas Perakaunan	Bendahari Jawatankuasa Audit Dalam Kaitangan Kewangan Koperasi Pegawai Jabatan/Agensi Kerajaan yang menyelia koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan.	Untuk membolehkan peserta menyimpan akaun koperasi dengan cara yang teratur dan kemas kini	07/03 - 12/03/2005 (6 hari)
IDB 252 Penyediaan Kertas Projek (Pelat Perniagaan)	Pengurus dan Kakitangan Kanan Koperasi Anggota Lembaga Koperasi Pengerusi Jawatankuasa kecil Koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan.	Untuk membolehkan peserta kursus mengenal pasti faktor yang perlu diteliti dalam penyediaan kertas projek, untuk membolehkan peserta menilai dan memilih projek berdasarkan kaedah penilaian yang berkaitan dan untuk membolehkan peserta menyediakan kertas projek perniagaan.	07/03 - 12/03/2005 (6 hari)
IDT 430 Asas Komputer & Aplikasi	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Kecil Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Kaitangan Koperasi. Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan	Untuk membolehkan peserta mengenali sistem komputer dan faedah-faedah dari penggunaan komputer mikro dan untuk membolehkan peserta mengenali dan menggunakan pakej-pakej aplikasi yang sesuai.	07/03 - 11/03/2005 (5 hari)
IDU 703W Pembangunan Keusahawanan Koperasi (Wanita)	Anggota Lembaga Koperasi AJK kecil Perniagaan Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan.	Untuk membolehkan peserta mengetahui ciri-ciri keusahawanan yang diperlukan di dalam menggerakkan perniagaan koperasi khas untuk wanita.	21/03 - 24/03/2005 (4 hari)
IDB 251 Komunikasi Perniagaan	Anggota Lembaga Koperasi Pengurus Koperasi Kakitangan Koperasi Anggota koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan.	Untuk mendedahkan kepada peserta kepentingan komunikasi yang berkesan di dalam perniagaan dan membolehkan peserta mengaplikasikan prinsip komunikasi dan memilih alternatif komunikasi perniagaan yang terbaik untuk mencapai matlamat koperasi	28/03 - 30/03/2005 (3 hari)
IDB 204 Perniagaan Melalui Sistem Francais	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa kecil yang terlibat dalam penyediaan perniagaan koperasi Pengurus Koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan.	Untuk membolehkan peserta mendapat pendedahan dan pengetahuan asas tentang perniagaan francais bagi menggalakkan koperasi melibatkan diri dalam perniagaan tersebut.	11/04 - 13/04/2005 (3 hari)
IDT 452 Lembaran Elektronik – MS-Excel	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam AJK Kecil Koperasi Kakitangan Koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan.	Untuk membolehkan peserta menggunakan komputer peribadi dengan aplikasi lembaran elektronik MS-Excel.	18/04 - 20/04/2005 (3 hari)
IDA 114 Pengurusan Kewangan Berkesan	Anggota Lembaga Koperasi Jawatankuasa Audit Dalam Pengurus Koperasi Kakitangan Kanan Koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan.	Untuk membolehkan peserta mengenal- pasti teknik-teknik pengurusan kewangan dan menggunakan maklumat kewangan untuk membuat keputusan pengurusan.	25/04 - 28/04/2005 (4 hari)
IDB 254 Etika Perniagaan	Anggota Lembaga Koperasi Pengurus Koperasi Kakitangan Koperasi Anggota Koperasi & individu yang berminat untuk menjadi usahawan.	Untuk mendedahkan peserta kepada etika perniagaan dan membolehkan peserta mengamalkan etika-etika perniagaan dengan berkesan	25/04 - 27/04/2005 (3 hari)

Anggota yang berminat untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh MKM, sila hubungi Puan Norhayati untuk keterangan lanjut di talian 04-6438515.

Sudut Cyber

Kenali Email dan kegunaanya

Sebut sahaja e-mel, hampir semua pengguna komputer mengetahui mengenainya walaupun tidak semua daripada kita tahu benar-benar memahaminya.

Aplikasi mel elektronik atau e-mel telah mula diperkenalkan oleh Ray Tomlinson sejak 1972 dan telah menjadi program Internet paling penting kepada pengguna komputer masa kini. Kemampuannya untuk menghantar dokumen berupa teks, gambar, muzik atau rakaman video dalam masa beberapa minit sahaja ke seluruh dunia menjadikan ia begitu cepat diterima ramai.

Bagi para pelajar, penggunaan e-mel akan memudahkan mereka bertukar-tukar nota pelajaran dengan rakan-rakan atau guru dengan hanya perlu berada di hadapan komputer sahaja.

Pada masa ini, berjuta-juta dokumen dihantar melalui e-mel setiap hari melalui Internet yang telah menjimatkan kos pengguna dan meningkatkan produktiviti pekerja. Faktor kos sememangnya agak ketara kerana jika kita menggunakan faks, kos panggilan negara-negara di Barat mungkin boleh mencecah harga antara RM50 hingga RM 100 untuk membolehkan kita menghantar dokumen setebal 20 muka surat.

Jika kita menggunakan perkhidmatan ekspres laju atau kurier pula, ia akan memakan kos yang agak tinggi juga dan menggunakan perkhidmatan pos biasa akan membabitkan masa beberapa hari.

Dengan hanya menggunakan e-mel, kos penghantaran dokumen setebal tersebut mungkin tidak sampai RM0.50 jika kita menggunakan talian akses Internet biasa. Komputer dan talian telefon yang biasa di rumah sudah cukup membolehkan kita menghantar e-mel.

Terdapat dua cara bagaimana e-mel boleh dihantar iaitu pertamanya menggunakan perisian e-mel yang terdapat pada komputer seperti Microsoft Outlook, Nescape atau Eudora. Bagaimana pun kita perlu mempunyai akaun e-mel yang kebiasaan ditawarkan bersama pakej langganan akses Internet melalui pembekal perkhidmatan seperti TM-Net Sdn Bhd atau Jaring.

Cara kedua pula tanpa perlu kita memasang sebarang perisian pada komputer tetapi hanya menggunakan perisian pelayar Internet seperti Internet Explorer sedia ada dan terus mengakses laman web e-mel berasaskan web. Terdapat pelbagai laman web yang menawarkan perkhidmatan e-mel dan perkhidmatan yang popular ialah perkhidmatan e-mel secara percuma seperti Hotmail, Yahoo Mail, Net@ address, Mail.com dan sebagainya.

Pengguna Internet boleh mendaftarkan akaun e-mel mereka dengan mudah di laman-laman web ini dan terus menggunakan akaun mereka yang ditawarkan dalam ruang simpanan sama ada 2MB, 4 MB dan sebagainya.

Keistimewaan menggunakan e-mel pada laman web ini ialah kita boleh mengakses atau membuka/menghantar e-mel dari mana-mana komputer yang mempunyai akses Internet, termasuk di luar negara.

Kelemahan menggunakan laman web percuma ini pula ia menawarkan ruang simpanan yang terhad dan ini boleh menyebabkan e-mel yang dihantar kepada kita tidak dapat diterima jika akaun e-mel kita telah penuh. Laman web Hotmail pula mengenakan syarat yang akaun kita harus aktif iaitu dibuka dalam masa 30 hari dan kegagalan melakukan demikian akan menyebabkan semua e-mel dipadam dan akaun perlu diaktifkan semula.

Laman web e-mel Jaring boleh diakses pada alamat <http://webmail.jaring.my> manakala TM Net pula menawarkan perkhidmatan webmel tersebut di alamat <http://webmail.tm.net.my>.


Melalui e-mel juga kita boleh mendapatkan berita-berita terkini dalam bidang yang diminati dengan hanya mendaftar e-mel kita kepada laman web yang menawarkan perkhidmatan tersebut. Bagaimanapun, kita juga perlu bijak menggunakan e-mel memandangkan ia sering menjadi sasaran penghantar e-mel sampah atau 'spam' yang bertujuan mempromosikan pelbagai barangan dan perkhidmatan yang tidak pernah kita langgan.

Sememangnya e-mel telah menjadi medium komunikasi yang sangat penting pada masa ini dan terpolung kepada pengguna untuk memanfaatkannya sebaik mungkin. Adalah dinasihatkan agar aplikasi yang penting tersebut tidak salah guna dengan digunakan untuk menghantar berita palsu atau bahan-bahan terlarang kerana pihak berkuasa mempunyai kemampuan untuk menjejaki penghantar e-mel yang tidak bertanggungjawab.

Tentu kita masih ingat bagaimana pihak polis telah berjaya menahan seorang penghantar e-mel yang menyebarkan berita palsu dan fitnah mengenai kes penyanyi Siti Nurhaliza yang akhirnya dihadapkan ke mahkamah.

Kesimpulannya, terpolung kepada kebijaksanaan kita untuk mendapatkan manfaat pembangunan teknologi tersebut dalam pembelajaran, pekerjaan atau hiburan.

Tahniah, anak syarikat Koperasi, Sri Tunas Sdn. Bhd. telah memperolehi sijil ISO 9001: 2000 pada 8hb November 2004.



Perubahan Pegawai Koperasi Tunas Muda

Mesyuarat Biasa Lembaga 1/2005 pada hari Sabtu 15 Jan 2005 telah menimbang dan meluluskan perletakan jawatan Puan Rosni Binti Rashid sebagai setiausaha Koperasi. Mesyuarat Biasa Lembaga juga meluluskan perubahan pegawai untuk penggal 2004 –2005 berkuatkuasa mulai 15 Januari 2005 seperti berikut:

Jawatan	Nama	Telefon
Pengerusi	Tuan Haji Rahim Bin Osman	012-4948591
Setiausaha	Tuan Haji Zainol Abidin Bin Ahmad	016-4883750
Bendahari	Encik Mohd Nagib Bin Ahmad	016-4400800

Khidmat Anggota

Bagi meningkatkan perkhidmatan kepada anggota, kaunter anggota setempat kini ditempatkan di tingkat bawah pejabat Koperasi. Anggota ada masalah yang hendak diselesaikan dan perlu berjumpa dengan Pengerusi atau Setiausaha, hari bersama Pengerusi/Setiausaha ditetapkan seperti berikut:

Hari	: setiap hari Jumaat
Minggu	: Pertama (1) dan Ketiga (3)
Jam	: 9 am – 12 pm

Pemindahan Ke Pejabat Baru

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa berkuatkuasa 17 Januari 2005 pejabat serta alamat Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad adalah seperti berikut:

**KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD,
NO. 126, JALAN DATO' ISMAIL HASHIM, TAMAN TUNAS MUDA, SUNGAI ARA,
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG.**

Tel: 04 6438 515
Fax: 04 6437 507
E-mail: tunasmda@tm.net.my

Sila kemaskini alamat surat menyurat tuan/puan sekiranya ada perubahan dan hantarkan kepada Koperasi.

POTONG DAN KEMUKAKAN KEPADA:-

Setiausaha,
Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad
No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,
11900 Bayan Lepas,
Pulau Pinang.

MAKLUMAT PERTUKARAN ALAMAT

Alamat surat menyurat saya yang terkini adalah seperti berikut:-

Nama:..... No.Anggota:.....

No.Kad Pengenalan No.Telefon:.....

Alamat Baru:.....

.....

Tandatangan:..... Tarikh:.....



Jika tidak sampai, kembalikan kepada:



KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD

NO. 126, JALAN DATO' ISMAIL HASHIM,
TAMAN TUNAS MUDA, SUNGAI ARA,
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG.
Tel: 04-6438515 Fax No: 04-6437507